

SEJARAH MAKAM KESULTANAN BRUNEI DI SABAH: KAJIAN MAKAM SYARIF MASYAHUR, KIMANIS

**AHMAD HELMI BIN MOHD MUKHTAR
HA2006-1149**

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**Latihan ilmiah ini dikemukakan untuk memenuhi
sebahagian daripada syarat-syarat bagi Ijazah
Sarjana Muda Sains Sosial dengan Kepujian
Sejarah**

**PROGRAM SEJARAH
SEKOLAH SAINS SOSIAL
SESI 2008/2009**



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

4000017108



183371

PUMS99:1

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS@

JUDUL: Sejarah Makam Kesultanan Brunei di Sabah : KajianMakam Syarif Masyahur, Kimanis.IJAZAH: SARJANA MUDA SAINS SOSIALSAYA AHMAD HELMI B M-MUKHTARSESI PENGAJIAN: 2009

(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keseksamaan atau Kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan Oleh

(TANDATANGAN PENULIS)

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Alamat Tetap: NO 228 JLN
KULAM AIR 33300
GERIK PERAK

Tarikh: 15/10/2009Tarikh: 15/10/2009

CATATAN:- *Potong yang tidak berkenaan.

**Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

***Tesis dimohon agar tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara

bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana

PERPUSTAKAAN UMS



1400017108

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGAKUAN

Saya mengakui bahawa karya ini adalah hasil kajian saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan segala gambar yang setiap satu daripadanya telah saya nyatakan sumbernya.

Yang benar,


.....
(AHMAD HELMI BIN MOHD MUKHTAR)

HA2006-1149

Sekolah Sains Sosial

Universiti Malaysia Sabah


Sesi 2008/2009



PENGESAHAN PENYELIA

Dengan ini saya mengesahkan bahawa latihan ilmiah ini telah ditulis oleh Ahmad Helmi bin Mohd Mukhtar (HA2006-1149) yang bertajuk Sejarah Makam Kesultanan Brunei Di Sabah: Kajian Makam Syarif Masyahur, Kimanis, telah diselia oleh saya sebagai sebahagian daripada syarat-syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dengan Kepujian Sejarah, Universiti Malaysia Sabah.

Tandatangan Penyelia,



(En. Baszley Bee bin Basrah Bee)

Pensyarah Kanan

Program Sejarah

Sekolah Sains Sosial

Universiti Malaysia Sabah

Tarikh:



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang,

Alhamdulillah segala puji hanya bagi Allah S.W.T, Tuhan sekalian alam, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, keluarga baginda serta sahabat yang dimuliakan baginda. Sepenuh kesyukuran penulis panjatkan kehadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat dan taufik hidayah-NYA dapat juga saya menyiapkan latihan ilmiah ini pada masa yang telah ditetapkan dengan jaya walaupun pelbagai halangan yang mendarat.

Menerusi ruangan yang terhad ini, pertama sekali saya dengan rasa suka citanya ingin melahirkan ucapan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia latihan ilmiah ini iaitu Encik Baszley Bee b. Haji Basrah Bee kerana sudi menyelia saya dan telah banyak memberi bimbingan, panduan, nasihat, tunjuk ajar seta teguran sepanjang usaha penulisan ini dijalankan. Tidak ketinggalan juga ucapan terima kasih dan penghargaan ditujukan kepada semua pensyarah dan tutor di Sekolah Sains Sosial terutamanya pensyarah Program Sejarah yang telah mencurahkan segala ilmu dan nasihat kepada saya. Hanya tuhan sahaja dapat membalas jasa anda semua.

Penghargaan yang paling istimewa dikalungkan buat keluarga yang tercinta terutamanya bonda Maimunah Sutan Taharuddin serta kakanda Ibrahim b. Mohd Mokhtar dan kakak ipar Nor Faiza yang telah banyak berkorban dan memberi dorongan kepada saya. Tidak dilupakan kepada anak buah saya (Nur Zawiah dan Nur Zawani) yang telah menjadi inspirasi dan semagat kepada saya. Semoga Allah Taala sentiasa melimpahkan rahmat dan kesejahteraan kepada kalian serta pengorbanan dan kasih sayang kalian semua akan tetap abadi di dalam sanubari saya sepanjang hayat.

Akhir sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga buat rakan seperjuangan (Adi, Andy, Azlina, Fizal, Khairul, Shiken, Palaitson, Sably dan lain lagi yang tidak dapat saya sebutkan di sini) yang banyak membantu dan memberi sokongan kepada saya sepanjang menyiapkan penulisan ini. Tanpa bantuan kalian semua, saya percaya penulisan ini akan menghadapi sedikit kebuntuan untuk disempurnakan. Kalian adalah sahabat yang baik buat saya dan semoga tuhan sahaja yang membalas segala budi baik kalian. Tidak dilupakan



juga kepada mereka yang terlibat secara langsung atau tidak dalam penulisan ini, terima kasih saya ucapan.

Sekiranya terdapat kelebihan dalam karya ini, ia adalah kebaikan yang datangnya daripada Allah S.W.T dan jadikannya sebagai panduan dan pengajaran. Jika sekiranya wujud sebarang kelemahan dan kekurangan di dalam penulisan ini, sesungguhnya ia merupakan kecuaian saya menjadi tanggung jawab saya sendiri.



ABSTRAK

Kajian mengenai makam dan nisan ini adalah bertujuan untuk mengetahui tentang pengaruh dan kekuasan Kesultanan Brunei ke atas Sabah yang dapat dilihat dari sumber arkeologi dan sejarah melalui penyelidikan terhadap makam Syarif Masyahur di Kimanis, Sabah. Kajian yang berdasarkan kepada makam dan nisan Syarif Masyahur ini adalah untuk memberi gambaran dan pengetahuan mengenai pengaruh bentuk nisan Kesultanan Brunei kepada masyarakat tempatan di Sabah. Selain itu juga kajian ini akan dapat membantu untuk melihat sejauh mana pengaruh yang telah dimainkan oleh seorang pembesar tersebut kepada masyarakat tempatan. Kesimpulan daripada hasil kajian ini menunjukkan bahawa pengaruh golongan pembesar ke atas masyarakat tempatan amat kuat sehingga mereka disanjung sehingga meninggal dunia dengan cara membina makam serta nisan pembesar tersebut lain daripada yang lain.



ISI KANDUNGAN

	Halaman
Kandungan	
Pengakuan	ii
Pengesahan Penyelia	iii
Penghargaan	iv
Abstrak	vi
Isi Kandungan	vii
Senarai Gambar	ix
Senarai Jadual	xi
Senarai Peta	xii
Singkatan	xiii
 Pendahuluan	
Permasalahan Kajian	1
Tujuan Kajian	1
Objektif Kajian	2
Lokasi Kajian	2
Skop Kajian	2
Kepentingan Kajian	2
Kaedah Kajian	3
Sorotan Literatur	3
Struktur Bab	12



Bab 1

Makam Sebagai Sumber Arkeologi dan Sejarah	14
1.1 Arkeologi Islam	15
1.2 Bukti Kedatangan Islam di Borneo	18
1.3 Bukti Penguasaan dan Pengaruh	27

Bab 2

Sabah di Bawah Kesultanan Brunei	31
---	-----------

Bab 3

Pemakaman Kesultanan Brunei	47
3.1 Tapak Pemakaman di Sabah	47
3.2 Tapak Pemakaman di Kimanis	55

Bab 4

Makam Syarif Masyahur	62
4.1 Latar Belakang	62
4.2 Pemakaman Dulu dan Kini	66
4.3 Bentuk Batu Nisan	68

Bab 5

Rumusan	72
----------------	-----------

Bibliografi	75
Lampiran	81



SENARAI GAMBAR

No. Gambar		Halaman
Gambar 1.1	Makam Roqayah binti Sultan Abdul Majid Hasan	21
Gambar 1.2	Makam dan Batu Nisan Sultan Tengah	23
Gambar 1.3	Makam Raden Sulaiman (Sultan Muhammad Safiuddin I)	27
Gambar 1.4	Batu Nisan Aceh (Batu Aceh) kurun ke XV M (1400-1500)	29
Gambar 1.5	Batu Nisan Aceh (Batu Aceh) kurun ke XVI M (1500-1600)	30
Gambar 3.1	Pulau Sinurop, Mengkabong, Sabah	49
Gambar 3.2	Batu Nisan Pengiran Remanggong Raja Tua Amirul Faza	50
Gambar 3.3	Papan tanda makam Pengiran Anak Untung	52
Gambar 3.4	Papan tanda makam Pengiran Kermaraja	53
Gambar 3.5	Makam Pengiran Anak Untung	54
Gambar 3.6	Makam Pengiran Kermaraja	54
Gambar 3.7	Makam Pengiran Yusof	56
Gambar 3.8	Batu Nisan makam Pengiran Yusof	59
Gambar 3.9	Tangga menuju makam Pengiran Yusof	60
Gambar 3.10	Batu nisan bahagian kaki dan batu yang dikatakan kebal di makam Pengiran Yusof	61
Gambar 4.1	Jalan ke Kampung Brunei Kimanis	63
Gambar 4.2	Sungai mati	64
Gambar 4.3	Sungai Kimanis	65
Gambar 4.4	Makam Syarif Masyahur	66
Gambar 4.5	Pondok makam Syarif Masyahur	67
Gambar 4.6	Batu nisan makam Syarif Masyahur	68



Gambar 4.7	Batu nisan asal jenis batu sungai di makam Syarif Masyahur	69
Gambar 4.8	Ilustrasi batu nisan Syarif Masyahur	70



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Halaman
Jadual 2.1 Jajahan Brunei di Sabah Pada Tahun 1870	35



SENARAI PETA

No. Peta.		Halaman.
Peta 1.1	Laluan kedatangan dan penyebaran Islam ke Asia Tenggara	19
Peta 1.2	Laluan perdagangan dan pelayaran di antara selatan Tanah Arab dengan China, pulau-pulau Melayu dan Indo-China	20
Peta 2.1	Kawasan Penguasaan Kesultanan Brunei dan Kesultanan Sulu	32
Peta 2.2	Jajahan Kesultanan Brunei di Pantai Barat Borneo Utara pada tahun 1870an	37



SENARAI SINGKATAN

ABIM	Angkatan Belia Islam Malaysia
ATC	<i>American Trading Company</i>
BNBCC/BNBC	<i>British North Borneo Chartered Company</i>
BNBPA	<i>British North Borneo Provisional Association Limited</i>
CM	Sentimeter
H	Hijrah
KG	Kampung
KM	Kurun Masihi
M	Masihi
ODA	<i>Overbeck- Dent Association</i>
S. A.W.	Sallallahualaiwasallam
SBBU	Syarikat Berpiagam Borneo Utara
SBBUB	Syarikat Berpiagam Borneo Utara British
SM	Sebelum Masihi
S. W. T.	Subhanahuwataala
USIA	<i>United Sabah Islamic Association</i>



PENDAHULUAN

Batu nisan merupakan penanda bagi sesebuah kuburan yang biasanya dibuat daripada kayu atau batu dengan pelbagai bentuk dan rupa bergantung kepada pengaruh budaya sesebuah masyarakat tersebut. Batu nisan Kesultanan Brunei mempunyai keunikan dan keistimewaan tersendiri begitu juga dengan batu nisan Aceh yang lebih dikenali dengan batu Aceh. Keunikan dan keistimewaan inilah menyebabkan ia berbeza daripada batu Aceh yang banyak terdapat di Semenanjung Malaysia sebagai batu nisan kerabat diRaja dan golongan Bangsawan yang mana ragam hiasnya berpengaruh dari Aceh. Walau bagaimanapun terdapat juga unsur yang sama antara kedua-dua batu nisan ini.

Permasalahan Kajian

Permasalahan kajian yang dikemukakan dalam kajian ini ialah asal usul makam Kesultanan Brunei di Kimanis. Ianya akan membangkitkan persoalan seperti pemilikan, pengaruh, kesenian dan mengapakah makam tersebut wujud di bumi Sabah.

Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenali pemilik makam Kesultanan Brunei di Kimanis. Selain itu, ia adalah untuk menambah penulisan berkaitan sejarah makam dan batu nisan serta mengetahui pengaruh serta peranan yang telah dimainkan.



Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk mengetahui asal usul makam Kesultanan Brunei di Kimanis khasnya dan di Sabah amnya. Selain itu, untuk mengetahui siapakah pemilik makam tersebut, melihat pengaruh kesenian batu nisannya serta mengetahui bagaimana makam tersebut boleh wujud di Sabah.

Lokasi Kajian

Kajian tertumpu di kawasan permakaman Kesultanan Brunei di Tanah Perkuburan Islam Bukit Kupang, Jalan Masjid Brunei, Kampung Brunei Kimanis, Kimanis yang terletak dalam daerah Papar, Sabah.

Skop Kajian

Skop kajian adalah berkaitan sejarah seni makan dan ragam hias batu nisan syarif Masyahur.

Kepentingan Kajian

Penulisan kajian ini penting kerana batu nisan dan makam tersebut merupakan tinggalan warisan sejarah bernilai yang menandakan pengaruh Islam tersebar meluas di Sabah pada masa lalu serta peranan penting pemerintah dalam menyebarkannya. Selain itu, ia penting kerana untuk memberi pendedahan yang terperinci kepada masyarakat tentang ragam hias nisan yang jarang dikaji. Ia juga penting sebagai menambahkan lagi penulisan berkaitan ragam hias batu nisan dan makam di Malaysia kepada generasi yang akan datang.



Kaedah Kajian

Kaedah kajian yang digunakan dalam menyiapkan penulisan sejarah makam Kesultanan Brunei ini ialah kajian perpustakaan, kajian lapangan dan temubual. Kajian perpustaan dijalankan bagi memperolehi sumber-sumber primer yang berbentuk fail dan laporan serta sumber-sumber sekunder seperti buku, artikel, jurnal, kertas kerja dan rujukan elektronik (laman web). Sumber-sumber primer boleh diperoleh daripada Arkib negeri serta Muzium Negeri Sabah. Manakala sumber sekunder diperolehi daripada perpustakaan Universiti Malaysia Sabah, pusat sumber Sekolah Sains Sosial, perpustakaan Yayasan Sabah, perpustakaan negeri Sabah serta perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka cawangan Sabah. Termasuk perpustakaan Utama Universiti Malaya, perpustakaan Pendeta Za'ba Universiti Malaya, pusat sumber Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Malaya, perpustakaan Tun Sri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia, Pusat Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia dan perpustakaan Universiti Sains Malaysia.

Selain kajian perpustakaan, kajian lapangan turut dijalankan bagi mengetahui tapak makam tersebut. Selain itu ia juga untuk mengetahui dan mengumpul maklumat fizikal mengenai tapak dan makam tersebut, serta meneliti seni hias yang terdapat pada batu nisan di makam tersebut.

Kaedah temubual masyarakat yang tinggal di sekitar juga turut dilakukan. Hal ini bagi memperolehi maklumat mengenai tapak dan makan tersebut melalui mereka yang pernah hidup pada masa tersebut atau pernah mendengar cerita berkaitan makam tersebut melalui penceritana secara turun-temurun daripada nenek moyang mereka yang mengetahui cerita tersebut.

Sorotan Literatur

Penulisan berkaitan sejarah dan ragam hias batu nisan serta makam di Malaysia amat kurang terutama berkaitan makam diraja serta makam orang Islam. Dalam buku *Epigrafi Islam Terawal*



*Di Nusantara*¹ telah menceritakan serba sedikit berkaitan sejarah dan ragam hias batu nisan Islam serta makam diraja. Penulis juga menceritakan berkaitan tulisan arab yang terdapat di batu bersurat serta batu nisan yang lebih dikenali dengan batu Aceh yang menandakan kedatangan agama Islam dan pengenalan tulisan jawi di Nusantara. Penulis juga turut menerangkan penemuan batu Aceh yang tertua di Nusantara milik Sultan Malik al-Salih yang dijumpai di Aceh. Dalam buku tersebut ada juga menceritakan penemuan batu nisan tertua di Malaysia milik Sultan Muhammad Shah I di Pahang dan milik seorang wanita yang bernama Makhdarah (Roqayah)² di Bandar Seri Bengawan, Brunei Darulssalam. Penulis juga menerangkan beberapa ciri yang terdapat pada batu nisan yang terdapat di Aceh/Jawa, Malaysia serta Brunei. Akhir sekali, penulis mengemukakan analisis terhadap tulisan yang terdapat pada batu bersurat serta batu nisan yang dijumpai.³

Dalam karya Hasan Muarif Ambary bertajuk *Aspek-aspek Arkeologi Indonesia: Makam-Makam Islam di Aceh*⁴ hanya menceritakan makam-makam Islam yang terdapat di Aceh secara ringkas yang berkaitan keluasan setiap kompleks makam tersebut, bilangan makam yang terdapat dalam setiap kompleks serta abad bila makam tersebut wujud. Beliau juga ada menceritakan setiap pemilik makam tersebut serta bentuk dan pola hias makam tersebut yang mana kebanyakan daripadanya mempunyai persamaan antara satu sama lain. Antara makam yang dinyatakan adalah seperti makam raja-raja Aceh di Daerah Kabupaten Aceh Besar yang terdiri daripada Makam Munawar Shah Kuta Alam dan Makam Darul Kalam⁵ yang dibina pada akhir abad ke 15 hingga 16 M, serta beberapa lagi kompleks makam yang terdapat di Bandar Aceh, Aceh Utara dan Aceh Barat yang kebanyakannya dibina bermula dari abad ke 15 hingga abad ke 18 M.

¹ Othman Mohd. Yatim & Abdul Halim Nasir, Zainab Kassim (ed.), *Epigrafi Islam Terawal Di Nusantara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990.

² *Ibid.*, hlm 7.

³ *Ibid.*, hlm 99.

⁴ Hasan Muarif Ambary, *Aspek-aspek Arkeologi Indonesia: Makam-maka Islam di Aceh*, Jakarta: Pusat penelitian Arkeologi Nasional, 1996.

⁵ *Ibid.*, hlm 2.

Buku bertajuk *Batu Aceh: Warisan Sejarah Johor*⁶ lebih menumpukan kepada batu nisan berbentuk batu Aceh yang terdapat di Johor secara lebih mendalam. Penulis membincangkan batu Aceh di Johor lebih terperinci berdasarkan tapak yang mereka jumpai banyak di Johor iaitu sebanyak 36 tapak dengan 211 buah makam bertanda batu Aceh. Penulis juga menceritakan kumpulan batu nisan ini dari segi tipologi, epigrafi dan kronologi bagi mengetahui lebih mendalam berkaitan Batu Aceh. Penulis juga telam membahagikan batu-batu Aceh tersebut kepada 16 kumpulan yang dinamakan kumpulan A hingga Kumpulan Q.⁷ Setiap kumpulan dikaji dari segi ciri-ciri bentuk seperti bahagian dasar, bawah, bahagian atas, bahu-bahu, kepala dan bahagian puncak mengikut kumpulan yang telah diasingkan. Selain itu, penulis juga menerangkan beberapa ciri epigrafi setiap kumpulan batu nisan tersebut serta kedudukan makam tersebut dari tapak makam Ulu Sungai Che Omar yang mempunyai 24 kuburan hinggalah makam yang mempunyai 1 kuburan seperti makam Sungai Seluang, makam Bukit Senjata dan beberapa lagi. Dalam buku tersebut juga menceritakan tentang kedudukan tapak makam tersebut dalam sejarah Kesultanan Johor serta kronologi dan identifikasi makam-makam tersebut dari segi sejarah.

Batu Aceh: Early Islamic Gravestones in Peninsular Malaysia tulisan Dr. Othman Mohd. Yatim,⁸ merupakan karya yang diterbitkan berkaitan batu Aceh di Malaysia. Dalam buku tersebut, beliau telah menceritakan secara terperinci mengenai batu Aceh yang di jumpai di seluruh Semenanjung Malaysia. Beliau telah membahagikan batu-batu tersebut kepada 14 kumpulan yang dinamakan kumpulan A hingga kumpulan N.⁹ Beliau juga menerangkan lebih mendalam ciri bentuk batu Aceh tersebut dari segi ciri bahagian dasar, bawah, atas, bahu-bahu, kepala dan bahagian puncak mengikut jenis yang telah dikelaskan dalam kumpulan. Dari segi epigrafi juga beliau telah menerangkan mengikut jenis batu Aceh yang telah dikumpulkan. Selain itu, beliau juga menerangkan dari segi dekorasi yang terdapat di batu Aceh tersebut di bahagian dasar, bahu-bahu, kepala dan sebagainya mengikut jenis batu Aceh tersebut.

⁶ Daniel Perret, Kamarudin Ab. Razak & Ludvik Kalus, *Batu Aceh: Warisan Sejarah Johor*, Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor, 1999.

⁷ *Ibid.*, hlm 27.

⁸ Othman Mohd. Yatim, *Batu Aceh: Early Islamic Gravestones in Peninsular Malaysia*, Kuala Lumpur: Museum Association of Malaysia, 1988.

⁹ *Ibid.*, hlm 43-46.

Buku bertajuk *Kompleks Makam Ulu Sungai Che Omar dan Bukit Telepok* tulisan Daniel dan Kamarudin¹⁰ menerangkan berkaitan kedudukan dan deskripsi baru nisan makam Ulu Sungai Che Omar dan Batu Telipok. Kemudian mereka membuat komen mengenai deskripsi kedua makam tersebut serta membuat jadual berkaitan sintetik hiasan batu Aceh. Mereka juga menerangkan kedudukan kedua makam tersebut dalam sejarah Kesultanan Johor-Riau-Lingga.

Asyaari Muhammad telah menceritakan mengenai makam yang terdapat di Kota Sayong dalam bukunya bertajuk *Arkeologi Kota Sayong, Johor: Data Awalan*.¹¹ Kota Sayong mempunyai tujuh kawasan makam yang mana setiap kawasan mempunyai batu Aceh di dalam bab dua. Selain itu terdapat juga batu nisan dari jenis lain serta Jirat Cina.

*Kota-Kota Melayu*¹² tulisan Abdul Halim Nasir menceritakan sejarah mengenai kota Melayu yang terdapat di seluruh Semenanjung Malaysia yang mana kota ini dahulu merupakan pertahanan kepada golongan pemberesar dan kerabat diraja. Dalam buku ini juga turut menceritakan berkaitan makam yang terdapat di dalam kawasan kota tersebut yang mana milik golongan bangsawan atau kerabat diraja.

Dalam *Sultan Tengah: Sultan Sarawak Pertama dan Terakhir* karya Awang Mohd. Jamil Al-Sufri,¹³ menceritakan tentang asal usul Sultan Tengah dan bagaimana baginda menjadi Sultan Sarawak yang pertama dan terakhir. Selain itu, beliau juga menceritakan perjalanan Sultan Tengah ke Pahang bagi menemui bonda saudara baginda serta peristiwa yang berlaku di Pahang sehingga menyebabkan baginda berangkat pulang ke Sarawak tetapi terdampar di Sukadana.¹⁴ Beliau juga turut menceritakan tentang perkahwinan Sultan Tengah di Sukadana, tentang waris baginda yang memerintah di wilayah yang terdapat di Kalimantan serta keberangkatan pulang Sultan Tengah ke Sarawak dan mangkat di Santubong yang menjadikan

¹⁰ Daniel Perret & Kamarudin bin Ab. Razak, *Kompleks Makam Ulu Sungai Che Omar dan Bukit Telipok*, Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor, 1998.

¹¹ Asyaari Muhammad, *Arkeologi Kota Sayong, Johor: Data Awalan*, Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor, 2001.

¹² Abdul Halim Nasir, *Kota-Kota Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990.

¹³ Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, *Sultan Tengah: Sultan Pertama dan Terakhir Sarawak*, Bandar Seri Bengawan: Jabatan Pusat Sejarah, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, 1995.

¹⁴ *Ibid.*, hlm 1-5.

baginda sebagai Sultan Sarawak pertama dan terakhir. Beliau juga turut menceritakan mengenai makam Sultan Tengah yang terdapat di Santubong yang bernisankan kayu belian. Beliau juga turut menulis mengenai Sultan Tengah dalam *Pusaka* bilangan ke 4.¹⁵ Selain Awang Mohd. Jamil, cerita mengenai Sultan Tengah juga turut ditulis oleh Karim bin Osman¹⁶ dan Muhammad bin Damit.¹⁷

Batu Acheh di Brunei: Suatu Tinjauan Latar Belakang Sejarah karya Zainuddin¹⁸ telah menceritakan batu Acheh yang terdapat di Brunei yang dijumpai di Tanah Perkuburan Islam Jalan Residency dan Tanah Perkuburan Islam Kianggeh. Beliau telah menerangkan motif yang terdapat di kedua-dua batu nisan tersebut. Selain itu beliau juga membandingkan batu nisan tersebut dengan batu Acheh yang terdapat di Melaka, Johor, Pahang, Perak, Terengganu, Kedah dan Perlis.

Abdul Karim b. Abdul Rahman dalam karyanya bertajuk *Batu Nisan Orang Islam di China dan Pengaruhnya ke Atas Nisan Maharaja Brunei*¹⁹ menceritakan mengenai beberapa nisan Sultan Brunei yang dipengaruhi oleh nisan orang Islam di China. Dalam karya tersebut juga beliau menunjukkan atau menerangkan beberapa nisan Sultan Brunei yang menyerupai nisan China dengan diukir kaligrafi khat jawi. Beliau juga turut menerangkan maksud kaligrafi di setiap nisan tersebut.

¹⁵ Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, Sultan Tengah: Sultan Pertama dan Terakhir, *Pusaka*, 4, Bandar Seri Bengawan: Jabatan Pusat Sejarah, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, 1991 hlm 16-22.

¹⁶ Karim bin Osman, Makam Sultan Tengah, Santubong, Sarawak: Satu Catatan Awal, *Jurnal Darussalam*, 3, Bandar Seri Bengawan: Jabatan Pusat Sejarah, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, 1999.

¹⁷ Muhammad bin Awang Damit, Raja Tengah Di Borneo: Peranan dan Sumbangannya, dalam *Pemuliharaan Sejarah dan Tamadun Borneo: Ke arah Pengukuhan Negara Bangsa*, Bandar Seri Bengawan: Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, 2007.

¹⁸ Zainuddin, Batu Acheh Di Brunei; Suatu Tinjauan Latar Belakang Sejarah, *Pusaka*, 4, Bandar Seri Bengawan: Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, 1991.

¹⁹ Abdul Karim bin Abdul Rahman, Batu Nisan Orang Islam di China dan Pengaruhnya ke Atas Nisan Maharaja Brunei, *Pusaka*, 9, Bandar Seri Bengawan: Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, 1999.

Awang Hanafi bin Salleh telah menulis berkaitan perjumpaan batu nisan lama di Brunei dalam penulisannya yang bertajuk *Sebuah Nisan Lama Bertarikh KM XV: Suatu Kajian Awal*.²⁰ Dalam penulisan tersebut beliau telah menerangkan beberapa ciri yang terdapat pada batu nisan tersebut.

Karya bertajuk *Batu Nisan Sultan Omar Ali Saifuddin I* tulisan Zainuddin b. Hassan²¹ menceritakan tentang salah satu bentuk dan ciri batu nisan yang terdapat di Makam diRaja Batu 1½ Jalan Tuntong, Bandar Seri Bengawan. Beliau telah menceritakan secara teliti mengenai nisan tersebut seperti corak yang terdapat di nisan tersebut, ketinggian, lebar, serta ketebalannya. Selain itu beliau juga telah menerangkan apa yang tertulis di batu nisan tersebut.

Awang Mohd. Jamil telah menulis mengenai *Pengiran Temanggong Raja Tua Amirul Faza*²² iaitu seorang bangsawan yang dihantar ke Sabah bagi mengamankan keadaan di Menggatal yang diancam lanun. Dalam buku tersebut juga menceritakan bahawa Pengiran Temanggong Raja Tua Amirul Faza merupakan anak kepada Pengiran Anak Untung iaitu Pengiran Bendahara Brunei. Pengiran Temanggong Raja Tua Amirul Faza telah berkahwin dengan penduduk tempatan dan menetap terus di Menggatal sehingga meninggal dunia. Beliau telah dikebumikan di Pulau Sinorop, Mengkabong dan nisannya diperbuat daripada kayu belian.

Buku bertajuk *Ragam Hias Batu Nisan dan Makam: Suatu Pengenalan*²³ telah menceritakan mengenai batu nisan yang terdapat di Brunei dari segi jenis, corak, kaligrafi serta pemiliknya. Dalam buku tersebut juga telah menceritakan secara terperinci jenis bentuk dan corak yang terdapat pada setiap batu nisan yang dikaji. Selain itu juga karya tersebut telah menerangkan maksud motif yang terdapat pada setiap batu nisan tersebut.

²⁰ Awang Hanafi bin Salleh, *Sebuah Batu Nisan Lama Bertarikh KM XV: Suatu Kajian Awal*, *Pusaka*, 10, Bandar Seri Bengawan: Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, 2001.

²¹ Zainuddin bin Hassan, *Batu Nisan Sultan Omar Ali Saifuddin I*, *Pusaka*, 1, Bandar Seri Bengawan: Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, 1988.

²² Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, *Pengiran Temanggong Raja Tua Abdul Momin Amirul Faza*, *Pusaka*, 9, Bandar Seri Bengawan: Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, 1999.

²³ Mohamad bin Salim, *Ragam Hias Batu Nisan dan Makam: Satu Pengenalan*, Bandar Seri Bengawan: Jabatan Muzium-Muzium Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, 2003.

Timothy Insoll dalam bukunya bertajuk *The Archaeology of Islam*,²⁴ telah menerangkan menegenai arkeologi Islam yang merupakan salah satu daripada subdisiplin arkeologi. Arkeologi Islam adalah tinggalan budaya yang berkaitan dengan kehidupan umat Islam yang berlandaskan Al-Quran dan Sunnah yang telah ditetapkan.

Dalam karya Timothy Insoll yang seterusnya berkaitan arkeologi Islam ialah *The Archaeology of Islam*, dalam *Archaeology and World Religion*,²⁵ beliau telah menerangkan bahawa masjid dan batu nisan merupakan tinggalan utama yang menunjukkan mengenai Islam dengan jelas.

Muhyiddin Yusin dalam bukunya *Islam di Sabah*²⁶ memfokuskan kepada kedatangan Islam ke Sabah yang berdasarkan beberapa pandangan dan teori. Beliau menyatakan kedatangan Islam di Sabah disebabkan oleh faktor perdagangan dengan Cina, India dan Arab. Dalam buku ini juga turut menceritakan berkaitan kegiatan mubaligh Kristian di zaman penjajah bagi menghalang penyebaran Islam serta kesedaran berpesatuan masyarakat tempatan beragama Islam sehingga tertubuhnya *United Sabah Islamic Association (USIA)*.

Buku *Islam di Brunei Darussalam*²⁷ tulisan Mohammad bin Abd Rahman pula memfokuskan tentang kedatangan Islam ke Brunei Darussalam. Beliau menerangkan keadaan Brunei ketika praIslam yang mana pada masa tersebut pengaruh kebudayaan Hindu yang masih kuat di Brunei. Seterusnya beliau menerangkan tentang teori kemasukan Islam ke Brunei serta hubungannya dengan Nusantara. Kemudian beliau telah menerangkan tentang peranan para Sultan menyebarkan Islam di rantau Kepulauan Borneo.

Dalam *Tarsila Brunei: Zaman Kegemilangan dan Kemahsyuran* tulisan Awang Mohd. Jamil Al-Sufri²⁸ menerangkan mengenai beberapa orang Sultan Brunei yang telah memerintah

²⁴ Timothy Insoll, *The Archaeology of Islam*, Oxford: United Kingdom, Blackwell Publishers, 1999.

²⁵ Timothy Insoll, *The Archaeology of Islam*, dalam *Archaeology and World Religion*, London & New York: Routledge, Taylor & Francis Group, 2001.

²⁶ Muhiddin Yusin, *Islam Di Sabah*, Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990.

²⁷ Mohammad bin Abd Rahman, *Islam Di Brunei Darussalam*, Bandar Seri Bengawan: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, 2005.

²⁸ Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, *Tarsilah Brunei: Zaman Kegemilangan dan Kemahsyuran*, Bandar Seri Bengawan: Pusat Sejarah Brunei, Kementerian, Kebudayaan, Belia dan Sukan, 1997.

Brunei sehingga menjadikan Brunei sebuah empayar yang gemilang dan masyhur seperti Sultan Sulaiman yang memerintah dari tahun 1432 M hingga 1485 M, Sultan Bolkiah yang memerintah 1485 M hingga 1524 M dan beberapa orang sultan lain. Selain itu beliau juga turut menceritakan mengenai rombongan Sepanyol yang telah datang ke Brunei serta hubungan Brunei dengan Sambas, Manila, Suluk dan Jawa.

Buku Awang Mohd. Jamil Al-Sufri seterusnya yang bertajuk *Rampai Sejarah: Meniti Sejarah Silam*²⁹ menceritakan tentang kedatangan Islam ke Brunei yang berkemungkinan dari China serta Raja Brunei yang mungkin berasal dari China. Selain itu beliau juga turut menceritakan mengenai Sultan Sharif Ali yang dikatakan berketurunan dari cucu Rasullullah S.A.W. Beliau juga turut menceritakan mengenai perang yang berlaku di Brunei termasuk Perang Pulau Chermin yang menyebabkan tercetusnya Perang Kinarut.

H.G. Keith dalam bukunya yang bertajuk *The United States Consul and The Yankee Raja*³⁰ telah menceritakan secara terperinci bagaimana bermulanya pengambilalihan Borneo Utara oleh kuasa asing daripada Kesultanan Brunei. Beliau telah menceritakan bagaimana keadaan Borneo Utara pada mulanya sehingga Charles Lee Moses memajaknya dari Sultan Brunei. Seterusnya beliau menceritakan keadaan Borneo Utara semasa berada di bawah pentadbiran Charles Lee Moses sehingga bertukar tangan kepada Joseph Torrey.

Selain itu, kertas kerja yang bertajuk *Borneo Utara (Sabah): Kewujudan, Tuntutan Persempadanan Tradisional dan Penjajahan Kuasa Barat Sebelum Tahun 1881*³¹ membincangkan tentang penguasaan kerajaan SBBUB bermula apabila Konsul Amerika yang berada di Brunei iaitu Claude Lee Moses telah menandatangani perjanjian dengan Sultan Brunei, Sultan Abdul Mumin bagi mendapatkan kawasan di bawah kekuasaan Brunei yang bertempat di Borneo Utara dengan pajakan selama 10 tahun. Kemudiannya Lee Moses telah menjualkan konsesi tersebut kepada J. W Torrey dan T. B. Haris pemilik syarikat American

²⁹ Awang Mohd. Jamil Al- Sufri, *Rampai Sejarah: Meniti Sejarah Silam*, Bandar Seri Bengawan: Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, 2005.

³⁰ H. G. Keith, *The United States Consul and The Yankee Raja*, Monograph of The Brunei Museum, No. 4, 1980

³¹ Bilcher Bala, Borneo Utara (Sabah): Kewujudan, Tuntutan Persempadanan Tradisional dan Penjajahan Barat Sebelum Tahun 1881, Kertas Kerja Bengkel Kajian Persempadanan di Negeri Sabah, 6-7 November 2006, Arkib Negara Malaysia.



Bibliografi

Buku dan Jurnal

Arba'iyah Mohd Noor, 2006, *Ilmu Sejarah & Pensejarahan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdul Halim Nasir, 1990, *Kota-Kota Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia.

Abdul Karim bin Abdul Rahman, 1994, Brunei K.M. XIX Satu Cabaran dan Campurtangan British, *Brunei Di Tengah-Tengah Nusantara: Kumpulan Kertas Kerja Seminar Sejarah Brunei*, Bandar Seri Bengawan: Jabatan Pusat Sejarah, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Abdul Karim bin Abdul Rahman, 1999, Batu Nisan Orang Islam di China dan Pengaruhnya ke Atas Nisan Maharaja Brunei, *Pusaka*, 9, Bandar Seri Bengawan: Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Awang Hanafi bin Salleh, 2001, Sebuah Batu Nisan Lama Bertarikh KM XV: Suatu Kajian Awal, *Pusaka*, 10, Bandar Seri Bengawan: Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Awang Jaafar bin Muhammad Sab, 1998, Sultan Abdul Majid Ibni Sultan Muhammad Shah, *Pusaka*, 1, Bandar Seri Bengawan: Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, 1991, Hubungan Brunei-Pahang, *Pusaka*, 4, Seri Bengawan: Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, 1991, Sultan Tengah: Sultan Pertama dan Terakhir, *Pusaka*, 4, Bandar Seri Bengawan: Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, 1994, Brunei di Tengah-Tengah Nusantara, *Kumpulan Kertas Kerja Seminar sejarah Brunei*, Bandar Seri Bengawan: Jabatan Pusat Sejarah, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, 1995, *Sultan Tengah: Sultan Sarawak Pertama dan Terakhir*, Bandar Seri Bengawan: Jabatan Pusat Sejarah, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

- Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, 1997, *Tarsilah Brunei: Zaman Kegemilangan dan Kemahsyuran*, Bandar Seri Bengawan: Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, 2000, *Latar Belakang Sejarah Brunei*, Bandar Seri Bengawan: Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, 2000, *Tarsilah Brunei: The Early History of Brunei Up To 1432 AD*, Bandar Seri Bengawan: Brunei History Centre, Ministry of Culture, Youth and Sport.
- Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, 2001, *Tarsilah Brunei: Sejarah Awal dan Perkembangan Islam*, Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, 2001, *Nasab Sultan Sharif Ali*, *Pusaka*, 10, Bandar Seri Bengawan: Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, 2002, *Sejarah Sultan-Sultan Brunei Menaiki Takhta*, Bandar Seri Bengawan: Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, 2005, *Rampai Sejarah: Meniti Sejarah Silam*, Bandar Seri Bengawan: Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, 1999, Pengiran Temanggong Raja Tua Abdul Momin Amirul Faza, *Pusaka*, 9, Bandar Seri Bengawan: Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Awang Othman bin Mat Don, 1992, Pentadbiran Brunei Darussalam: Suatu Tinjauan Ringkas, *Daulat*, Bandar Seri Bengawan: Jabatan Pusat Sejarah, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Asyari Muhammad, 2001, *Arkeologi Kota Sayong, Johor: Data Awalan*, Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor.
- Bala, Bilcher, 2000, Kewujudan Negara-Kota Brunei Dalam Beberapa Teori, *MANU*, 4, Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Singh, D. S. Ranjit, 1981, *The Development Administration in Sabah 1877-1946*, dalam Anwar Sullivan dan Cecilia Leong (ed.), Kota Kinabalu: Sabah State Government.
- Singh, D. S. Ranjit, 1991, *Brunei 1839-1983: The problem of Political Survival*, Singapore: Oxford University Press Pte. Ltd.
- Singh, D. S. Ranjit, 2003, *The Making of Sabah 1865-1941: The Dynamics of Indigenous Society*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press.

- Perret, Daniel, Kamarudin Ab. Razak & Ludvik Kalus, 1999, *Batu Aceh: Sejarah Warisan Johor*, Yayasan Warisan Johor, Johor Bahru.
- Perret, Daniel & Kamarudin bin Ab. Razak, 1998, *Kompleks Makam Ulu Sungai Che Omar dan Bukit Telipok, Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor*.
- Fatimah binti Mohd. Daud, 1992, Kerajaan Islam di Brunei: Satu Tinjauan Sejarah, *Daulat*, Bandar Seri Bengawan: Jabatan Pusat Sejarah, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Keith, H. G., 1980, *The United States Consul and The Yankee Raja*, Monograph of The Brunei Museum, No. 4.
- Hanafi bin Salleh, 2001, Sebuah Batu Nisan Lama Bertarikh KM XV: Suatu Kajian Awal, *Pusaka*, 10, Bandar Seri Bengawan: Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Hasan Muarif Ambary, 1996, *Aspek-Aspek Arkeologi Indonesia: Makam-Makam Islam Di Aceh*, Jakarta: Pusat Penelitian Arkeologi Nasional.
- Jaafar bin Muhammad Sab, 1988, Sultan Abdul Majid ibni Sultan Muhammad Shah, *Pusaka*, 1, Bandar Seri Bengawan: Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Karim bin Osman, 1999, Makam Sultan Tengah, Santubung, Sarawak: Satu Catatan Awal, *Jurnal Darussalam*, 3, Bandar Seri Bengawan: Jabatan Pusat Sejarah.
- Karim bin Osman, 2007, Brunei Sebagai Kuasa Politik Di Kepulauan Borneo Abad Ke-13 17 Masihi, *Pemuliharaan Sejarah dan Tamadun Borneo: Ke arah Pengukuhan Negara Bangsa*, Bandar Seri Bengawan: Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Mohamad bin Salim, 2003, *Ragam Hias Batu Nisan dan Makam: Satu Pengenalan*, Bandar Seri Bengawan: Jabatan Muzium-Muzium Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Mohammad bin Abd Rahman, 2005, *Islam di Brunei Darussalam*, Bandar Seri Bengawan: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Muhammad bin Awang Damit, 2007, Raja Tengah Di Borneo: Peranan dan Sumbangannya, dalam *Pemuliharaan Sejarah dan Tamadun Borneo: Ke arah Pengukuhan Negara Bangsa*, Bandar Seri Bengawan: Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Muhd Yusof Ibrahim, 2000, *Ilmu Sejarah: Falsafah, Pengertian & Kaedah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muhiddin Yusin, 1990, *Islam Di Sabah*, Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka.

Othman bin Mat Don, 1992, Kerajaan Islam di Brunei: Suatu Tinjauan Sejarah, *Daulat*, Bandar Seri Bengawan: Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Othman Mohd. Yatim, 1988, *Batu Aceh: Early Islamic Gravestones in Paninsular Malaysia*, Kuala Lumpur: Museum Asssociation of Malaysia.

Othman Mohd. Yatim & Abdul Halim Nasir, Zainab Kassim (ed.), 1990, *Epigrafi Islam Terawal Di Nusantara*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Sabihah Osman, 1985, *Pentadbiran Pribumi Sabah 1881-1941*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia-Yayasan Sabah.

Sabihah Osman, Muhammad Hadi Abdullah, Sabullah Hakip, 1995, *Sejarah Brunei Menjelang Kemerdekaan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Insoll, Timothy, 1999, *The Archaeology of Islam*, Oxford: United Kingdom, Blackwell Publishers.

Insoll, Timothy, 2001, The Archaeology of Islam, dalam *Archaeology and World Religion*, London & New York: Routledge, Taylor & Francis Group.

Yus Sabariah binti Adanan, 1988, Persinambungan Keluarga diRaja Brunei Dengan Keluarga diRaja Tanah Melayu, *Pusaka*, 1, Bandar Seri Bengawan: Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Zainuddin, 1991, Batu Acheh Di Brunei; Suatu Tinjauan Latar Belakang Sejarah, *Pusaka*, 4, Bandar Seri Bengawan: Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Zainuddin bin Hassan, 1988, Batu Nisan Sultan Omar Ali Saifuddin I, *Pusaka*, 1, Bandar Seri Bengawan: Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Kertas Kerja.

Baszley Bee b. Basrah Bee *et. al.*, Sharif Osman Dalam Konteks Sejarah Borneo: Suatu Penilaian Semula, dalam Seminar Memperingati Tokoh 2, 9 September 2006, Anjuran Bersama ABIM (Sabah), Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Belia dan Sukan Sabah, Sekolah Sains Sosial: Universiti Malaysia Sabah.

Bilcher Bala, 2006, Pembentukan dan Perkembangan Persempadanan North Borneo/ Negeri Sabah Selepas Tahun 1881, kertas kerja Bengkel Kajian Persempadanan di Negeri Sabah, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

Bilcher Bala, 2006, Borneo Utara (Sabah): Kewujudan, Tuntutan Persempadanan Tradisional dan Penjajahan Barat Sebelum Tahun 1881, kertas kerja Bengkel Kajian Persempadanan di Negeri Sabah, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

Latihan Ilmiah

Azizul bin Tarikim, 2008, Sejarah dan Ragam Hias Batu Nisan Masyarakat Bajau: Kajian Kes di Tanah Perkuburan Kg. Limatok, Pekan Kota Belud, *Tesis*, Kota Kinabalu: Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah.

Dg. Siti Faridah Bte Bauk, 2008, *Sejarah Perluasan Kuasa Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (SBBUB) di Padas Damit: 1888-1889*, *Tesis*, Kota Kinabalu: Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah.

Laporan

Laporan Survei Arkeologi, UMS/ SA/ P/ 2009/9.

Akhbar

Saberum Abd. Kadir, 1996, Sejarah Terpendam Di Meruntum, dalam *Buletin setia*, Disember, Kota Kinabalu: Jabatan Penerangan Malaysia, Sabah.

Internet

Loss of Labuan, A Former Brunei Island, <http://www.bt.com.bn/en/life/2008/09/07/loss_of_labuan_a_former_brunei_island> diakses pada 2 Ogos 2009.

The Sultan who saved Brunei, <<http://bruneiresources.blogspot.com/2008/08/sultan-who-seved-brunei.html>> diakses pada 2Ogos 2009.

Temubual

Dayang Ering, Ketua Kampung Kimanis Baru. Ditemubual pada 28 Mac 2009.

Haji Labis, Ketua Kampung Brunei Kimanis. Ditemubual pada 28 Mac 2009.

Haji Yahya, pemilik kedai makan di Bongawan. Ditemubual pada 28 Mac 2009.

Mohd. Farizul bin Sunariyyo, penduduk tempatan. Ditemubual pada 28 Mac 2009